

15 JUL 2002

Mahathir-Miskin (Bergambar)

DASAR PEMBANGUNAN BN KURANGKAN JURANG KEMISKINAN, KATA PM

PENDANG, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dasar pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Beliau berkata satu waktu dahulu kadar kemiskinan adalah 80 peratus tetapi setelah 44 tahun mencapai kemerdekaan, kadar kemiskinan penduduk kini hanya pada kadar tujuh peratus.

Katanya, kerajaan tidak pernah melupakan golongan yang miskin kerana kerajaan mempunyai pelbagai program bagi menolong mereka seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

"Dasar BN adalah mengimbang antara golongan yang miskin dengan yang kaya," katanya semasa berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kedah di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan calon BN bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang Datuk Othman Abdul.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN selalu memikirkan tentang nasib orang miskin dan sentiasa berusaha memperbaiki nasib golongan itu.

Peladang, penternak dan nelayan masih ramai lagi yang hidup dalam kemiskinan dan kerajaan sentiasa berusaha menolong mereka, katanya.

"Tetapi PAS lebih suka melihat ramai orang miskin dan terus miskin selamanya kerana apabila rakyat masih hidup dalam kemiskinan, dapatlah parti itu menghasut dengan berkata tengoklah kerajaan tak buat apa-apa (untuk membantu golongan miskin," katanya.

Beliau berkata walaupun pembangkang cuba memperkecilkan usaha kerajaan, kerajaan akan tetap berusaha membantu supaya rakyat tidak terus miskin.

"Pesawah telah dapat menanam padi dua kali setahun yang menambah pendapatan mereka dan menjadikan mereka lebih mewah, itu adalah hasil usaha kerajaan mewujudkan rancangan pengairan. Selain itu kerajaan bagi subsidi baja, naik harga padi dan sekarang kita rancang ternak ikan dalam terusan di kawasan Mada (Lembaga Pengairan Pertanian Muda)", katanya.

Perdana Menteri berkata sewaktu kerajaan mahu mewujudkan Mada dahulu, PAS membawa cerita kononnya projek itu adalah rancangan gila yang tidak boleh berjaya.

Mereka mempersoalkan bolehkah tanam padi dua kali setahun dan mempersendakannya dengan berkata tanah akan menangis kerana tak cukup rehat dan kain para petanipun tak sempat nak kering, katanya.

"Itulah cara PAS menipu rakyat untuk menentukan supaya petani terus miskin, kalau petani miskin terus maka tentu mereka akan marah kerajaan dengan itu mereka sokong PAS, itu niat PAS, bukan nak majukan golongan petani," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya golongan petani bijak memilih pemimpin dan kerajaan, mereka akan mendapat banyak nikmat seperti mana yang dinikmati oleh para penduduk Pendang sekarang ini.

"Dulu kawasan ini jalannya tanah merah, tetapi sekarang semua dah bertar malahan bertar sampai ke depan rumah dan turut dilengkapi kemudahan bekalan elektrik dan telefon." katanya.

Dr Mahathir berkata: "Berbanding dengan Kelantan (yang diperintah oleh PAS), apakah petani Kelantan mencapai kehidupan yang baik, kalau dapat tanam padi dua kali setahun itu adalah kerana adanya rancangan pengairan. Kalaupun yang diusahakan kerajaan BN.

"Sejak PAS perintah, banyak mana padi dan beras dapat dikeluarkan (dari negeri itu), tak ada pun, peluang kerja pun tak ada," katanya.

Perdana Menteri berkata hasil kejayaan membangunkan negara juga, menyaksikan ramai pemimpin dunia datang untuk belajar bagaimana daripada sebuah negara yang miskin yang dahulunya bergantung kepada getah dan bijih timah, dapat membangun dengan pesat dan setaraf negara yang telah maju.

Dr Mahathir juga meminta para penyokong PAS supaya insaf dan menolak perasaan benci terhadap kerajaan dan Umno yang dibawa oleh pemimpin parti pembangkang itu.

"Orang PAS bertaubat, kembalilah ke jalan benar, kembalilah ke jalan Islam, tolaklah perasaan benci yang disemai pemimpin kamu, kerana pemimpin kamu itu sudah lari jauh dari ajaran Islam kerana mereka hanya nak dapat undi," katanya.

-- BERNAMA

MAN MZM MNH LAT